



**OSA-3**

V4.0510

**KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGAKUAN BAGI PEKERJA KONTRAK DAN/ATAU INDIVIDU**

**AKTA RAHSIA RASMI  
(Penggal 153)**

Saya,..... (Nama)  
No. Pasport ..... sebagai ..... (Jawatan)  
beralamat ..... (Organisasi/Syarikat)  
iaitu orang yang telah memperolehi atau diberikan akses kepada dokumen-dokumen Kerajaan dan  
maklumat iaitu.....(Perkara) yang diamanahkan  
secara rahsia oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-  
Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai .....(Peranan)  
bagi .....(Projek/Kerja)  
dan sebarang kerja atau projek yang kemudiannya, DENGAN INI MENGAKU bahawa perhatian saya telah  
diarahkan kepada peruntukan-peruntukan Bab 5 dari Akta Rahsia Rasmi (Penggal 153) dan SAYA  
DENGAN INI SETERUSNYA MENGAKU bahawa sebarang kata kod, kata pengenal atau kata laluan  
rasmi yang rahsia, atau sebarang gambar foto, lukisan, pelan, model, makalah, nota, dokumen atau  
maklumat (selepas ini disebut bersama sebagai “maklumat atau benda yang tersebut di atas”) yang sampai  
ke dalam milikan, kawalan atau pengetahuan saya adalah maklumat atau benda yang tersebut di atas yang  
telah diamanahkan kepada saya secara rahsia dalam makna Akta tersebut; dan saya DENGAN INI  
SETERUSNYA MENGAKU bahawa sebarang pelanggaran Bab 5 dari Akta tersebut boleh menyebabkan  
saya jika sabit kesalahan dikenakan hukuman yang diperuntukkan dalam Bab 18(2) dari Akta tersebut; iaitu  
penjara tidak melebihi dua tahun, dan juga denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

.....  
Tandatangan

Meterai

Di hadapan saya : .....

Rujukan:

Tarikh : .....

**AKTA RAHSIA RASMI**  
**BAB 5**

(1) Jika mana-mana orang yang ada dalam milikan atau kawalannya sebarang kata kod, kata pengenal atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau sebarang gambar foto, lukisan, pelan, model, makalah, nota, dokumen atau maklumat yang –

- (a) berkaitan dengan atau digunakan di suatu tempat larangan atau apa-apa jua di tempat itu;
- (b) berkaitan dengan kelengkapan perang;
- (c) telah dibuat atau diperolehi dengan melanggar Akta ini;
- (d) telah diamanahkan secara rahsia kepadanya oleh mana-mana orang yang memegang jawatan di bawah Kerajaan; atau
- (e) telah diperolehnya, atau yang dia mempunyai akses kepadanya, kerana kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan di bawah Kerajaan, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat bagi pihak Negara Brunei Darussalam, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil bekerja dengan seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak tersebut,

melakukan mana-mana yang berikut –

- (i) menyampaikan secara langsung atau tidak langsung apa-apa maklumat atau benda yang tersebut di atas kepada mana-mana kuasa asing selain daripada kuasa asing yang kepadanya dia telah diberi kuasa untuk menyampaikannya, atau kepada mana-mana orang selain daripada seseorang yang kepadanya dia diberi kuasa untuk menyampaikannya atau yang kepadanya dia berkewajipan untuk menyampai-kannya;
- (ii) menggunakan apa-apa maklumat atau benda yang tersebut di atas untuk faedah mana-mana kuasa asing selain daripada kuasa asing yang untuk faedahnya dia diberi kuasa untuk menggunakannya, atau dengan apa-apa cara yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Negara Brunei Darussalam;
- (iii) menyimpan dalam milikan atau kawalannya apa-apa benda yang tersebut di atas meskipun dia tidak berhak untuk menyimpannya, atau meskipun bertentangan dengan kewajipannya untuk menyimpannya, atau tidak mematuhi semua arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sah berhubung dengan pengembalian atau pelupusannya;
- (iv) tidak menjaga dengan cara yang munasabah, atau ber-tingkah laku sehingga membahayakan keselamatan atau kerahsiaan, apa-apa maklumat atau benda yang tersebut di atas; atau
- (v) menerima apa-apa maklumat atau benda tersebut, dengan mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai pada masa dia menerima itu bahawa maklumat atau benda itu disampaikan kepadanya dengan melanggar Akta ini, melainkan jika dia membuktikan bahawa penerimaan maklumat atau benda itu olehnya adalah secara langsung atau tidak langsung tidak diminta olehnya;

maka orang itu adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.